

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Rabu, 28 Februari 2024



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BAGI STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI

JANUARI 2024

EKSPORT BAGI SEMBILAN NEGERI MENCATATKAN PENINGKATAN

PADA BULAN JANUARI 2024

PUTRAJAYA, 28 Februari 2024 – Malaysia mencatatkan jumlah perdagangan bernilai RM234.7 bilion pada Januari 2024 dengan eksport dan import masing-masing bernilai RM122.4 bilion dan RM112.3 bilion seperti yang dilaporkan hari ini dalam **STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI JANUARI 2024**.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata prestasi eksport Malaysia pada Januari 2024 bernilai RM122.4 bilion, meningkat sebanyak RM9.8 bilion (+8.7%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan eksport dipengaruhi oleh eksport yang lebih tinggi di kebanyakan negeri iaitu Johor (+RM5.6 bilion), Selangor (+RM3.3 bilion), Kedah (+RM1.2 bilion), Sarawak (+RM1.2 bilion), Perak (+RM640.1 juta), Pahang (+RM609.8 juta), Terengganu (+RM308.1 juta), W.P. Kuala Lumpur (+RM92.3 juta) dan Kelantan (+RM82.8 juta). Walau bagaimanapun, nilai eksport menurun di Pulau Pinang sebanyak RM2.0 bilion, W.P. Labuan (-RM1.1 bilion), Sabah (-RM196.9 juta), Melaka (-RM188.5 juta), Negeri Sembilan (-RM130.7 juta) dan Perlis (-RM11.6 juta).

Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sumbangan 28.2 peratus, diikuti oleh Johor (22.4%), Selangor (18.0%), Sarawak (8.7%) dan W.P. Kuala Lumpur (4.5%).

Beralih kepada prestasi import mengikut negeri, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin memaklumkan import pada bulan Januari 2024 meningkat RM17.8 bilion (+18.8%) berbanding bulan yang sama pada 2023. Peningkatan import disebabkan oleh import yang lebih tinggi di kebanyakan negeri iaitu Johor (+RM7.0 bilion), Selangor (+RM4.9 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM2.8 bilion), Pulau Pinang (+RM1.1 bilion), Pahang (+RM739.1 juta), Melaka (+RM618.3 juta), Kedah (+RM445.1 juta), Negeri Sembilan (+RM167.5 juta), Terengganu (+RM153.8 juta), Kelantan (+RM28.0 juta), Sabah (+RM22.5 juta) dan Perlis (+RM6.7 juta). Walau bagaimanapun, nilai import jatuh di Sarawak sebanyak RM261.2 juta, W.P. Labuan (-RM51.4 juta) dan Perak (-RM19.1 juta).

Selangor terus mendominasi import Malaysia dengan sumbangan 26.4 peratus, diikuti oleh Johor (23.7%), Pulau Pinang (19.1%), W.P. Kuala Lumpur (8.8%) dan Kedah (5.6%).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian”.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Pangkalan Data Utama (PADU) telah diluncurkan pada 2 Januari 2024. PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. Matlamat utama PADU untuk memastikan rakyat Malaysia tidak tercicir daripada setiap inisiatif berpaksikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dimohon kerjasama untuk mendaftar dan mengemaskini PADU sebelum atau pada 31 Mac 2024. Sila layari <https://www.padu.gov.my> bagi maklumat lanjut berkaitan PADU atau menghubungi talian hotline berikut:

- i) Jabatan Perangkaan Malaysia : 1-800-88-7720 /1-800-88-7721
- ii) Pertanyaan secara online melalui SISPAA: <https://padu.spab.gov.my>.

Carta 1: Data Siri Masa Eksport dan Import bagi negeri Johor, Pulau Pinang dan Selangor, Januari 2023 – Januari 2024 (RM Bilion)



Paparan 1: Infografik Statistik Eksport Import Mengikut Negeri, Januari 2024



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
28 FEBRUARI 2024**